

Amal tertib perlindungan

► Sebagai langkah cegah jangkitan virus ketika kendali jenazah

SEMUA pengendali jenazah adalah disaran untuk mengamalkan tertib perlindungan dan keselamatan menyeluruh sebagai langkah pencegahan jangkitan virus, khususnya dalam mengendalikan jenazah yang meninggal dunia akibat penyakit berjangkit.

Menyadari pentingnya peranan kalangan pengendali jenazah, Jabatan Forensik dengan kerjasama Unit Kesihatan Awam Hospital Queen Elizabeth (HQE) telah menganjurkan kursus pengendalian jenazah kepada wakil syarikat pengurusan jenazah sekitar Kota Kinabalu dan kawasan berhampiran.

Lebih 20 orang mewakili syarikat pengendali jenazah telah menghadiri kursus sehari yang diadakan di Jabatan Forensik HQE pada Jumaat.

Penyelaras Kursus Haji Aji Bungsu berkata objektif kursus adalah memberi pendedahan dan latihan kepada para peserta tentang langkah perlu menguruskan jenazah termasuklah jenazah yang meninggal dunia akibat penyakit berjangkit seperti HIV dan AIDS.

"Kursus yang dianjurkan amat penting kerana pengendali jenazah adalah individu paling awal terdedah kepada risiko jangkitan virus terutama



SAFREE (kiri) serta Aji (berdiri, dua kiri) memberi taklimat dan mengadakan sesi soal jawab berhubung kaedah keselamatan mengendali jenazah berisiko tinggi.



SAFREE (kanan) memberi taklimat berhubung kaedah keselamatan mengendali jenazah berisiko tinggi.

"Kursus yang dianjurkan amat penting kerana pengendali jenazah adalah individu paling awal terdedah kepada risiko jangkitan virus terutama dalam mengendalikan jenazah yang meninggal dunia akibat penyakit berjangkit, sekiranya langkah keselamatan dan pencegahan tidak diberi perhatian."

HAJI AJI BUNGSU
Penyelaras Kursus

dalam mengendalikan jenazah yang meninggal dunia akibat penyakit berjangkit, sekiranya langkah keselamatan dan pencegahan tidak diberi perhatian," katanya.

Beliau yang juga Penolong Pegawai Jabatan Forensik berkata, peserta bukan sahaja

didedahkan dengan Akta dan Undang-undang Kesihatan Awam, malah maklumat berhubung lebih 31 penyakit yang notifikasi sebagai penyakit berjangkit juga diberi penerangan terperinci.

Jelasnya, jenazah yang meninggal dunia akibat penyakit berjangkit bukan



SAFREE memberi penjelasan berhubung langkah perlindungan yang perlu ketika membersihkan jenazah melalui patung jenazah.



PESERTA kursus dilengkapi alat perlindungan sepanjang proses mandian dan pembersihan jenazah.

sahaja perlu dikendalikan dengan penuh cermat malah bahan-bahan serta peralatan yang digunakan dalam proses mandian, proses mengapan dan mengubunkan jenazah juga perlu dilupuskan dengan penuh teliti mengikut cara yang paling selamat.

Pada kursus itu, para

peserta turut diberi latihan secara praktikal mengendali jenazah berisiko disertakan kaedah penggunaan peralatan perlindungan yang lengkap bagi tujuan keselamatan.

Hadir sama selaku penceramah kursus adalah Pegawai Unit Kesihatan Awam Arshad Abdul Majid serta Safree Sablilee.



PESERTA kursus, penceramah dan penyelaras kursus merakamkan foto di luar bangunan Jabatan Forensik, Unit Forensik Patologi HQE.



Aji dan Safree memerhatikan salah seorang peserta melaksanakan tugas pembersihan jenazah.